



Kepakaran sains mampu rungkai fenomena baharu dunia

Ketika dunia dicabar COVID-19, sains mula menyerlah kembali. Saintis dunia giat mengkaji virus bahaya ini dari sudut sains. Ramai berkongsi hasil kajian dalam jurnal utama sains, umpamanya *Lancet*. Mereka melaporkan bagaimana virus ini berubah, sekali gus mencabar usaha pengesanan dan pengobatan.

Ada juga artikel menghurai mekanisme keberjangkitan virus berkenaan. Ada saintis giat membahas, sama ada virus hanya serang paru-paru atau juga organ lain.

Baru-baru ini, ada penemuan yang dikongsi mengenai serangan virus terhadap sel darah yang mengakibatkan pemekatan darah. Ini juga mendatangkan masalah bagi pesakit. Penemuan itu belum muktamad.

Banyak juga kajian yang terhasil di-sebarkan meluas menerusi media sosial. Penyebaran melalui media yang bukan akademik dianggap sihat. Ia sedikit sebanyak membantu usaha dunia membangun kefahaman sains dalam masyarakat.

COVID-19 memberi peluang kepada awam melihat betapa kompleks liku-liku melahirkan pengetahuan baharu dalam sains. Ia perlu disiarkan dan dibahaskan sebelum dimuktamadkan.

Memang bagus sains dipamerkan begitu teliti di khalayak. Ramai bersetuju sains ialah senjata utama menangani penularan COVID-19.

Malaysia antara negara memperkasakan sains bagi mengurus pandemik ini. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yang banyak menerima pujian dunia kerana kepimpinanannya menangani krisis pandemik itu, memperlihatkan cara penyampaian senang difahami ramai dalam ulasan hariannya.

Ia sekali gus berjaya menerangkan fakta sains secara mudah. Ini sedikit sebanyak menambah kepercayaan ramai dan berkesan memujuk rakyat mengamalkan cadangan perlu bagi membendung penularan wabak ini.

Ini termasuk arahan penjarakan fizikal dan penjagaan kebersihan diri. Kerajaan patut dipuji kerana menyerah kepada kebijaksanaan sains untuk mengurus wabak yang kita hadapi sekarang.

Banyak negara termasuk Korea Selatan, Jerman, Singapura, China dan Jepun juga meletakkan kepercayaan kepada sains bagi memimpin usaha membendung wabak ini. Semuanya bekerjasama rapat dengan saintis dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang sama bertungkus-lumus mencari penyelesaian.

Dunia patut tabik kepada mereka dalam WHO yang bekerja keras dan jujur menggalas beban. Ramai setuju semua

kritikan terhadap WHO adalah tidak berasas dan berniat jahat.

Apa yang jelas dalam episod wabak yang melanda seluruh dunia sekarang ialah penghormatan terhadap sains kembali bertaut dalam kalangan penggubal dasar. Sudah lama sains tidak dilihat sebegitu berharga.

Minat sains dalam kalangan pelajar sekolah sudah lama merosot. Di Malaysia, hasrat negara untuk mencapai 60 peratus pelajar memilih bidang sains tidak pernah kesampaian. Buat masa ini, tahap itu masih berlegar di bawah 30 peratus.

COVID-19 mungkin berupaya menye-

lamatkan sains. Sekarang banyak kedengaran percakapan antara kepimpinan dunia yang ingin meningkatkan pelaburan bagi memperkasakan bidang sains dan penyelidikan.

Ini berkemungkinan besar akan memulihkan minat pelajar terhadap sains. Ramai menganggap ini petanda baik bagi dunia yang sering berhadapan dengan anasir boleh menjejaskan dan menghalang pembangunan lestari dunia.

Satu fenomena sering disebut mengancam kelestarian dunia ialah perubahan iklim. Malah, ramai berpendapat ancaman perubahan iklim terhadap penduduk dunia mungkin akan lebih dahsyat berbanding pandemik dihadapi sekarang.

Saintis sudah lama mengeluarkan petunjuk yang mengesahkan bagaimana pemanasan global boleh memporakporandakan iklim dunia. Semua fakta sains yang dihasilkan tidak boleh disangkal. Banyak bukti kukuh berlandaskan sains sudah dikongsi.

Antara akibat buruk yang akan terjadi, termasuk ramai penduduk dunia akan kehilangan tempat tinggal ekoran ditenggelami paras laut yang semakin meningkat, penyakit baharu yang akan timbul akibat pencerobohan habitat asal virus dan juga kemerosotan pengeluaran makanan dunia disebabkan perubahan cuaca.

Bagaimanapun, masih ada pemimpin dunia yang menganggap amaran berkenaan palsu. Anggapan sebegitu tidak membantu usaha dunia untuk mengemblem usaha sama membanteras gejala perubahan iklim.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

(PBB) sudah 'letih' dengan usaha untuk membendung perubahan iklim menerusi perjanjian antarabangsa. Usaha murni berkenaan kerap terbantut ekoran segelintir kuasa dunia yang masih tidak yakin dengan bukti saintifik.

Namun, COVID-19 mungkin berupaya mengubah pendirian sedemikian.

Ketika pandemik melanda dunia dengan banyak aktiviti ekonomi terhenti akibat perintah berkurung dan perintah kawalan pergerakan, ada perkara aneh terserlah.

Pencemaran udara nampak berkurangan mungkin disebabkan penurunan jumlah kereta di jalan. Sungai pun dilihat kembali bersih kerana sampah kurang dihumban ke dalamnya yang menjadi punca pencemaran.

Sudah bertahun-tahun, dunia bergelungang dengan pencemaran air dan udara akibat kerakusan manusia mengejar pembangunan. Fenomena baharu disedari ini jelas mengesahkan bukti sains yang sudah diketengahkan bahawa kita ejen utama bertanggungjawab merosakkan alam sekitar.

Adalah jelas juga kepakaran dalam sains mampu membantu. Penyelesaiannya diakui ramai terletak di bidang sains. Kepercayaan terhadap sains perlu dipertingkatkan. Nasihat saintis usah dipandang ringan.

Kita mampu mengubahnya. Hanya kita mampu mengembalikan kegemilangan sains dan terus menghayati ilmu sains untuk kemajuan bersama.

Penulis adalah Felo Akademi Sains Malaysia

**COVID-19 mungkin
berupaya
menyelamatkan sains.
Sekarang banyak
kedengaran percakapan
antara kepimpinan
dunia ingin meningkatkan
pelaburan bagi
memperkasakan bidang
sains dan penyelidikan. Ini
berkemungkinan besar
akan memulihkan minat
pelajar terhadap sains.**



Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan
SAIDON IDRIS
saidon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Kandungan & Digital
M THILLINADAN
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Edisi Cetak
AZHAR A SAMAH
azharas@bh.com.my

Ketua Konvergen, Komersial & Multimedia NSTP
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN
madzaini@bh.com.my